




MEMIMPIN SEPERTI YESUS

Pelajaran Daripada
Suri Teladan
Kepimpinan
Yang Terhebat
Sepanjang Zaman

**Ken Blanchard,
Phil Hodges &
Phyllis Hendry**



**WAWASAN
PENABUR**

Memimpin Seperti Yesus

**Pelajaran Daripada Suri Teladan Kepimpinan Yang Terhebat
Sepanjang Zaman**

Penulis : Ken Blanchard, Phil Hodges & Phyllis Hendry
Penterjemah : Lilian Jose
Penyunting : Randy Singkee
Pereka Kulit buku : JC Chiang

Cetakan Pertama: Januari 2025

© 2016 *Lead Like Jesus*

Edisi Asal diterbitkan oleh W Publishing di Nashville, Tennessee

Semua petikan Alkitab, kecuali dinyatakan sebaliknya, diambil dari:
Alkitab Versi Borneo © 2016, Borneo Sabda Limited

Tahukah anda bahawa anda boleh mendapatkan banyak bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia secara percuma online di Sabda Harian (<http://sabdaharian.com/>)? Kunjungilah laman web mereka hari ini!

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Isi Kandungan

Pendahuluan	1
Bahagian I: Satu Perspektif Alkitabiah Tentang Kepimpinan	7
1. Adakah Anda Seorang Pemimpin?	9
2. Suri Teladan Kepimpinan yang Terhebat Sepanjang Zaman	15
3. Yesus Sebagai Hamba	19
4. Adakah Yesus Suri Teladan yang Relevan untuk Kita Hari Ini?	23
5. Satu Perjalanan Transformasi yang Bermula dari Dalam	27
6. Empat Domain Memimpin Seperti Yesus	37
Bahagian II: Hati Seorang Pemimpin yang Hebat	41
7. Bagaimanakah Rupanya Memimpin Seperti Yesus?	45
8. Saya Mahu Memimpin Seperti Yesus, Tetapi Hati Saya Tidak	51
9. Kesan daripada Sebuah Hati yang Tidak Teratur	55
10. Tanda-tanda Amaran di Jalan Menggeser Tuhan Keluar	67
11. Perubahan Hati	75
Bahagian III: Tabiat Kewujudan	87
12. Tabiat Menerima dan Tinggal Dalam Kasih Tuhan yang Tanpa Syarat	91
13. Tabiat Mengalami Kesendirian	97
14. Tabiat Mempraktikkan Doa	101
15. Tabiat Mengetahui dan Menerapkan Kitab Suci	107

16. Tabiat Mengekalkan Hubungan Sokongan	115
Bahagian IV: Kepala Seorang Pemimpin yang Hebat	123
17. Membangunkan Visi yang Menarik untuk Diri Sendiri	125
18. Visi Yesus yang Menarik	135
19. Mencipta Visi yang Menarik untuk Pasukan/ Organisasi	141
20. Melaksanakan Visi Menarik Anda	157
Bahagian V: Tangan Seorang Pemimpin yang Hebat	167
21. Pemimpin Sebagai Seorang Jurulatih Prestasi	169
22. Kerja Seorang Tukang Kayu	175
23. Cara Seorang Tukang Kayu	181
24. Faktor EGO	201
Bahagian VI: Tabiat-Tabiat Melakukan	211
25. Tabiat Mentaati Tuhan dan Menyatakan Kasih-Nya yang Tanpa Syarat	215
26. Tabiat Kasih Kurnia	221
27. Tabiat Mengampuni	225
28. Tabiat Memberi Dorongan	231
29. Tabiat Komuniti	235
30. Memimpin Seperti Yesus Bermula Dalam Diri Anda	243
Bahagian VII: Langkah-Langkah Seterusnya untuk Memimpin Seperti Yesus	249
31. Memimpin Perubahan yang Positif	251
32. EGO Anonymous: Mengambil Langkah Pertama untuk Meninggikan Tuhan	263

Pendahuluan

Dunia sangat memerlukan satu suri teladan kepemimpinan yang berbeza. Buku **Memimpin Seperti Yesus** ditulis satu dekad yang lalu, bermula dengan pernyataan ini, yang kami percaya masih relevan hingga hari ini.

Pengalaman dan pembelajaran kami dalam sepuluh tahun kebelakangan ini terus mengingatkan kita bahawa perkara yang paling penting dalam kepemimpinan adalah pemimpin itu sendiri; bahagian yang paling penting dalam diri seorang pemimpin adalah hatinya; dan hubungan yang paling penting dengan hati seorang pemimpin adalah hubungan dengan Tuhan.

Kebanyakan sumber kepemimpinan tertumpu pada teknik-teknik pengurusan, kecekapan, strategi, dan taktik sambil mengabaikan bahagian paling penting dalam kepemimpinan — pemimpin itu sendiri. Dalam *Lead Like Jesus*, kami percaya bahawa perubahan yang sebenar dan berkekalan bermula dari dalam. Apabila seorang pemimpin memilih untuk membenarkan Yesus mengubah dirinya dari dalam ke luar, pilihan itu akan memberi kesan kepada semua orang dan semua perkara yang dipengaruhi oleh pemimpin tersebut. Kami tegaskan: anda tidak dapat memimpin seperti Yesus tanpa Yesus!

Satu manfaat yang luar biasa berlaku dalam kehidupan orang yang memimpin seperti Yesus: kebebasan. Yesus adalah satu-satunya yang menawarkan model kepemimpinan yang dibina atas kebebasan dan keselamatan sepenuhnya di dalam Dia serta kuasa-Nya yang bekerja dalam diri kita. Walaupun dunia terus menawarkan penyelesaian-penyelesaian yang berasaskan pemeraksaan diri, kepercayaan diri, persaingan, tekanan rakan sebaya, dan prestasi, memimpin seperti Yesus membebaskan kita untuk mencapai tahap pengaruh yang tidak mungkin dicapai dengan kekuatan sendiri. Apabila kita bebas daripada kesombongan dan ketakutan, bebas untuk dengan rendah hati menerima maklum balas dan mengakui kesalahan kita, serta cukup



kuat untuk mengabaikan kesalahan dan mengampuni kesilapan orang lain, kita boleh memimpin orang lain dan membantu mereka untuk mencapai potensi penuh mereka.

Namun, dari perspektif sesetengah pemimpin, memimpin seperti Yesus dianggap “lembut” atau tidak praktikal; atas sebab ini, ramai pemimpin terus mengabaikannya. Hasil daripada cara pemikiran ini adalah jelas: perjuangan yang berterusan, pekerja yang tidak berpuas hati, pemimpin yang kecewa, keluarga yang berpecah-belah, gereja yang berpecah, serta pasukan dan organisasi yang kacau-balau dan berprestasi rendah.

Cuba bayangkan pemimpin yang memimpin seperti Yesus. Pemimpin yang begitu mengasihi orang yang dipimpinnya sehingga membantu mereka bergerak dari tempat mereka berada sekarang ke tempat yang Tuhan kehendaki mereka pergi. Pemimpin yang mempertanggungjawabkan orang lain, memberi galakan setiap hari, menghadapi cabaran, membawa sikap keaslian, berwatak mulia, dan integriti dalam setiap interaksi. Pemimpin yang ingin membimbing orang lain untuk berjalan di jalan yang sama. Bayangkan dunia yang penuh dengan pemimpin-pemimpin seperti ini!

Tidak perlu mencari lebih jauh. Kita sudah mempunyai suri teladan kepimpinan yang sempurna dalam Yesus. Kita hanya perlu mengikut-Nya dan membenarkan Dia untuk bekerja dalam diri kita dan melalui kita.

Walaupun kita telah mengisytiharkan selama bertahun-tahun bahawa Yesus adalah suri teladan kepimpinan yang terhebat sepanjang zaman, kita masih belum menyedari sepenuhnya sejauh mana anugerah kepimpinan yang Dia tawarkan kepada kita. Yesus bukan sahaja pemimpin hamba yang terhebat, tetapi juga seorang pemimpin yang berwawasan hebat, pembina pasukan yang terunggul, pemberi motivasi pasukan yang terbaik, dan ejen perubahan yang tiada tandingan. Sebenarnya, kita tidak dapat memikirkan apa-apa sifat kepimpinan yang Yesus tidak tunjukkan kepada semua orang semasa Dia melatih murid-murid-Nya. Kini, lebih dua ribu tahun kemudian, Yesus masih mempunyai lebih ramai pengikut berbanding mana-mana pemimpin yang pernah ada di dunia ini.

Kita juga telah belajar — atau belajar semula — bahawa memimpin seperti Yesus adalah kepimpinan yang berasaskan kasih. Sebenarnya, Tuhan menghendaki hasil utama daripada kepimpinan dan pengaruh kita adalah menunjukkan kasih Yesus kepada orang lain. Memimpin seperti Yesus pada dasarnya adalah soal *hati*. Ia juga merupakan pemikiran tertinggi dalam *kepala*, pekerjaan utama dari *tangan*, dan ia dinyatakan serta diperbaharui melalui *tabiat* harian.

Formula “*Segalanya – Kasih = Tiada Apa-apa*” bukanlah ciptaan kami. Ia adalah hukum yang tidak dapat disangkal dalam kerajaan Allah, yang telah digenapi dengan sempurna oleh Yesus. Ia juga merupakan ciri penentu bagi model kepimpinan Yesus: memimpin seperti Yesus bererti mengasihi seperti Yesus.

Kata-kata abadi Rasul Paulus ini mempunyai banyak makna bagi mereka yang merupakan pemimpin dan guru, yang mempengaruhi kehidupan orang lain:

Kalaupun kita dapat bertutur dalam semua lidah manusia, malah bahasa malaikat juga, tetapi tidak mempunyai kasih (sebagai tujuan kita), maka kita hanya seperti gong tembaga yang berbunyi bising atau genta yang berdentang. Kalaupun kita diberi kurnia untuk bernubuat, dan mengetahui semua rahsia serta ilmu (tentang cara memimpin orang), malah memiliki kekuatan iman yang besar (dalam kepimpinan kita), tetapi tidak mempunyai kasih, maka kita langsung tidak bererti. Begitu juga, kalaupun (kita terlibat dalam tindakan yang mementingkan diri untuk mempromosikan diri) dan memberikan segala milik kita untuk memberi makan kepada orang miskin, atau menyerahkan tubuh kita untuk dibakar, tetapi tidak mempunyai kasih, maka kita langsung tidak berguna. (1 Korintus 13:1-3, diparafrasakan)

Dalam buku ini, kita akan menggali lebih dalam tentang apa yang dimaksudkan dengan “kasihilah Tuhan Allahmu, dengan sepenuh hatimu, dengan sepenuh jiwamu dan dengan sepenuh fikiranmu” dan “kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri” (Matius 22:37-39). Kita akan meneroka bagaimana pengaruh kita, baik secara formal mahupun tidak formal, terhadap orang lain



dapat mendorong mereka untuk mengembangkan hubungan yang lebih akrab dengan Allah dan membantu mereka melihat kasih yang Dia miliki untuk mereka — kasih yang begitu indah yang ditunjukkan melalui Anak-Nya, Yesus.

Dalam buku ini juga terdapat pelajaran baru atau yang diperluas yang telah kami pelajari dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu:

- Jika hati dan motif seorang pemimpin tidak betul, semua pemikiran yang cemerlang dan kepimpinan yang paling hebat tidak akan mampu mengatasi kelicikan, eksploitasi, dan manipulasi yang mementingkan diri sendiri.
- Tabiat Kewujudan dan Tabiat Melakukan pada diri Yesus menyediakan cara yang praktikal untuk melaksanakan keinginan untuk memimpin seperti Yesus.
- Menghubungkan kesaksian peribadi yang kuat dengan kebenaran alkitabiah memberikan kaitan dan keaslian tambahan kepada mesej *Lead Like Jesus* untuk orang dari pelbagai generasi dan budaya.
- Kepimpinan adalah mengenai perubahan: memulakan perubahan, bertindak balas terhadap perubahan, membimbing proses perubahan, memperkukuh perubahan, dan menjadi suri teladan perubahan untuk orang lain.
- Untuk memimpin seperti Yesus memerlukan penglibatan dalam hubungan peribadi yang interaktif dengan Allah melalui Yesus Kristus dan Roh Kudus.

Ken dan Phil sangat teruja kerana Phyllis Hendry, sahabat kami yang terkasih, saudari kami dalam Kristus, dan presiden/CEO pelayanan *Lead Like Jesus*, menyertai kami sebagai penulis bersama. Semangatnya terhadap mesej *Lead Like Jesus* dan pengalaman peribadinya tentang kuasa kasih dan kepimpinan telah memperkayakan lagi buku ini.

Doa kami adalah agar buku ini akan menguatkan hubungan anda dengan Yesus dan agar anda menerima-Nya bukan sahaja sebagai Tuhan dan Penyelamat, tetapi juga sebagai suri teladan kepimpinan anda. Apabila anda diubah, orang di sekitar anda akan dipengaruhi dan tertarik kepada suri teladan yang sama, sama ada mereka memimpin sebuah perniagaan, NGO, sebuah inisiatif komuniti, gereja,

atau keluarga.

Tidak kira betapa sukarnya peranan kepimpinan anda, ingatlah apa yang Yesus katakan: “Marilah ke sisi-Ku, wahai semua yang jerih lelah dan memikul beban berat; Aku akan memberimu kelegaan” (Matius 11:28). Undangan Yesus masih terbuka. Dan ia terbuka untuk anda.

Kami mengajak anda untuk menjadi sebahagian daripada gerakan ini supaya suatu hari nanti, semua orang, di mana sahaja, akan dipengaruhi oleh seseorang yang memimpin seperti Yesus.

Bersama anda dalam perjalanan ini,
Ken Blanchard
Phil Hodges
Phyllis Hendry



Tidak perlu mencari lebih jauh.
Kita sudah mempunyai suri teladan kepemimpinan
yang sempurna dalam Yesus. Kita hanya perlu
mengikut-Nya dan membenarkan Dia untuk bekerja
dalam diri kita dan melalui kita.



Bahagian I

Satu Perspektif Alkitabiah Tentang Kepimpinan



“Biarlah damai Kristus menguasai hatimu. Kamu telah dipanggil untuk mendapat damai itu dalam satu tubuh. Kamu haruslah bersyukur. Biarlah sabda Kristus menetap dalam dirimu dengan segala kekayaan dan kebijaksanaannya. Ajar dan nasihati satu sama lain dengan mazmur, lagu pujian dan nyanyian rohani, serta nyanyikanlah lagu rohani dengan rasa syukur kepada Allah dalam hatimu. Segala yang kamu katakan dan lakukan haruslah dengan nama Tuhan Yesus sambil mengucapkan syukur kepada Bapa kita Allah melalui-Nya.”
(Kolose 3:15-17)

Orang sering melihat kepimpinan berdasarkan pendekatan “Ini semua tentang saya”. Dalam semua jenis organisasi dan institusi, ganjaran seperti wang, pengiktirafan, dan kuasa meningkat apabila kedudukan seseorang individu naik dalam hierarki. Mempromosikan diri (kesombongan) dan perlindungan diri (ketakutan) mendominasi gaya kepimpinan hari ini. Ramai pemimpin bertindak seolah-olah domba-domba wujud hanya untuk kepentingan penggembala. Dalam hubungan peribadi, kepimpinan yang berasaskan rasa hormat bersama, kasih sayang, pengorbanan diri, dan keterbukaan sering dilemahkan apabila kesombongan, ketakutan, dan ketidakpedulian menggantikan keintiman dengan pengasingan. Ini adalah berita buruk.

Berita baiknya adalah terdapat cara yang lebih baik. Pendekatan alternatif terhadap kepimpinan ini didorong oleh empat kepercayaan asas yang telah menjadi teras kepada pelayanan kami:



- Kepimpinan berlaku setiap kali kita mempengaruhi pemikiran, tingkah laku, atau perkembangan seseorang individu.
- Yesus adalah suri teladan kepimpinan yang terhebat sepanjang zaman.
- Kepimpinan hamba adalah satu-satunya pendekatan kepimpinan yang disahkan oleh Yesus untuk para pengikut-Nya.
- Kepimpinan yang berkesan bermula dari dalam, iaitu dari hati kita.

Semasa anda meneroka empat kepercayaan ini, kami berharap anda akan memperoleh perspektif yang benar-benar berbeza tentang kepimpinan. Semoga anda melihat kepimpinan sebagai satu perjalanan yang bermula dengan transformasi diri anda sendiri dan berkembang kepada anda memimpin orang lain, kemudian untuk memimpin sekumpulan kecil orang lain, dan akhirnya memimpin sebuah organisasi. Semoga anda juga melihat bahawa kepimpinan adalah penajajaran empat domain utama: hati, kepala, tangan, dan tabiat.

Mari kita mulakan!



Bab 1

Adakah Anda Seorang Pemimpin?



Tetapi Yesus memanggil mereka [para murid-Nya] kepada-Nya lalu berkata, “Kamu tahu bahawa orang yang dianggap sebagai pemerintah bangsa asing memerintah rakyat dengan kuku besi, dan orang besar melaksanakan kekuasaan ke atas mereka. Ini tidak harus berlaku dalam kalanganmu. Sesiapa yang ingin menjadi orang besar dalam kalanganmu mestilah melayan kamu. Sesiapa yang ingin menjadi orang yang pertama haruslah menjadi hamba kepada semua.”
(Markus 10:42-44)

Dalam bengkel *Lead Like Jesus* kami, kami sering bertanya, “Berapa ramai di antara anda yang menganggap diri anda sebagai seorang pemimpin?” Kami kagum kerana hanya sekitar 20 hingga 25 peratus orang yang mengangkat tangan, walaupun peserta bengkel kami kebanyakannya terdiri daripada pengurus dan penyelia di setiap peringkat perniagaan, institusi pendidikan, agensi kerajaan, atau organisasi berasaskan kepercayaan. Alasan bagi kebanyakan mereka yang tidak mengangkat tangan adalah kerana mereka menganggap kepimpinan berkaitan dengan jawatan atau gelaran di tempat kerja. Ramai yang merasakan bahawa mereka tidak cukup tinggi dalam carta organisasi untuk mengatakan bahawa mereka adalah pemimpin.

Kami sentiasa menyusuli soalan pertama kami dengan meminta orang berfikir tentang individu yang memberi kesan paling besar dalam hidup mereka, seseorang yang memainkan peranan utama dalam membentuk siapa mereka pada hari ini sebagai manusia. Kemudian



kami bertanya, “Berapa ramai di antara anda yang menamakan pengurus atau penyelia yang anda pernah bekerja dengan selama ini?” Hampir tiada tangan yang diangkat. Kemudian kami bertanya, “Berapa ramai di antara anda yang menyebut bapa, ibu, nenek atau datuk, ibu atau bapa saudara, atau sahabat?” Hampir semua orang dalam bilik itu mengangkat tangan. Mengapa begitu? Kerana pada hakikatnya, setiap individu adalah seorang pemimpin dalam beberapa bahagian hidupnya — kerana *kepimpinan adalah satu proses pengaruh*. Kami percaya bahawa *setiap kali anda berusaha untuk mempengaruhi pemikiran, tingkah laku, atau perkembangan seseorang dalam kehidupan peribadi atau profesional anda, anda sedang mengambil peranan sebagai seorang pemimpin*.

Oleh itu, satu-satunya cara untuk mengelakkan kepimpinan adalah dengan mengasingkan diri anda dari dunia luar.

Kepimpinan boleh menjadi sesuatu yang intim seperti memberi kata-kata bimbingan dan galakan kepada orang yang disayangi, atau secara formal seperti menyampaikan arahan melalui saluran komunikasi yang lebih luas dalam sebuah organisasi. Kepimpinan boleh juga berupa memupuk nilai akhlak dan harga diri dalam kanak-kanak serta menggalakkan keintiman dan kepuasan yang lebih besar dalam hubungan peribadi, atau ia juga boleh melibatkan pengagihan sumber dalam sebuah organisasi untuk mencapai matlamat tertentu atau menyelesaikan tugas yang diberikan.

Oleh itu, terdapat dua jenis kepimpinan: kepimpinan peranan kehidupan dan kepimpinan organisasi.

Sebagai pasangan, ibu bapa, ahli keluarga, rakan, atau warga-negara, anda mempunyai banyak peluang untuk kepimpinan peranan kehidupan setiap hari. Apakah peranan kepimpinan yang mungkin lebih penting daripada ini? Pertimbangkan beberapa contoh berikut:

- seorang suami atau isteri yang mencari persetujuan bersama mengenai kewangan seharian.
- seorang ibu yang mengajar anak kecilnya cara makan menggunakan sudu.
- seorang anak lelaki yang memberikan nasihat dan bimbingan kepada ibu bapa yang lanjut usia tentang pengaturan hidup.

- seorang individu yang mengambil risiko untuk dipinggirkan apabila dia menegur seorang sahabat mengenai kegagalan moral.
- seorang warganegara yang membantu mencari tempat tinggal untuk golongan gelandangan.

Berbeza dengan kepimpinan peranan kehidupan, kepimpinan organisasi biasanya datang dengan kedudukan, jawatan atau gelaran rasmi yang memberi kuasa kepada anda untuk memenuhi keperluan yang dirasakan oleh sesebuah organisasi. Sekali lagi, contoh-contoh ini mungkin membantu:

- seorang eksekutif korporat yang menolak tawaran maklumat orang dalam yang akan memberikan syarikatnya kelebihan daya saing.
- seorang guru sekolah menengah yang membangkitkan rasa ingin tahu dalam kalangan pelajarinya.
- seorang jururawat pemulihan yang dengan sabar menangani kemarahan seorang pesakit strok.
- seorang pastor yang memberi penghiburan kepada ahli gerejanya yang sedang berduka.
- seorang jurulatih bola sepak sekolah menengah yang memberi lebih fokus kepada pembentukan akhlak pemainnya daripada untuk kemenangan dalam permainan.

Perbezaan utama di antara kepimpinan peranan kehidupan dan kepimpinan organisasi melibatkan kekekalan hubungan yang terlibat. Pemimpin peranan kehidupan berfungsi dalam mengekalkan hubungan sebagai ibu bapa, pasangan hidup, adik-beradik, rakan, dan warganegara; tanggungjawab dan kewajipan tidak boleh dilepaskan dengan mudah atau dibuang.

Sebaliknya, pemimpin organisasi beroperasi untuk satu tempoh dalam persekitaran hubungan sementara dan perubahan yang agak berterusan. Orang boleh datang dan pergi dengan cepat atas pelbagai sebab. Kekurangan kestabilan dalam organisasi sering kali melahirkan rasa berhati-hati dan komitmen yang terhad, yang jelas kelihatan dalam politik pejabat yang kompetitif.

Kebanyakan kepimpinan yang signifikan yang membentuk hidup kita tidak datang daripada pemimpin dengan gelaran dalam carta



organisasi; ia datang daripada pemimpin dalam hubungan peranan kehidupan. Adalah penting untuk diperhatikan bahawa dalam gereja awal, kepimpinan peranan kehidupan seorang calon adalah prasyarat untuk memegang kepimpinan organisasi. Dalam 1 Timotius 3:1-7 kita membaca seperti berikut:


Kata-kata ini benar: Jika seseorang ingin menjadi penyelia jemaah, maka dia ingin akan pekerjaan yang baik. Seorang penyelia jemaah haruslah tidak bercela. Dia harus beristeri seorang sahaja, mengamalkan kesederhanaan dan penguasaan diri, dihormati, meraikan tetamu dengan tangan terbuka, dan berkebolehan mengajar. Dia seharusnya bukan pemabuk, tidak melakukan kekerasan, lemah lembut, bukan kaki gaduh, dan tidak tamak akan wang. Dia mesti tahu mengurus rumah tangganya dengan baik dan mendidik anak-anaknya supaya bersikap taat dan hormat. (Jika seseorang tidak tahu mengurus rumah tangganya sendiri, bagaimanakah dia hendak mengurus jemaah Allah?) Dia seharusnya bukan seorang yang baru beriman, takut kalau-kalau dia menjadi sombong dan dikutuk seperti Iblis dahulu. Dia mestilah mempunyai nama yang baik dan dihormati oleh orang di luar jemaah, supaya dia tidak dicela dan terjerumus ke dalam perangkap Iblis.

Satu peribadi yang menunjukkan kepimpinan hamba dalam kehidupan Yesus adalah ibu-Nya, Maria: "Aku ini hamba Tuhan. Semoga terjadilah kepadaku seperti yang engkau katakan itu..." (Lukas 1:38). Dia mewariskan kepada Anaknya sebuah legasi ketaatan, penyerahan, iman, dan pelayanan. Maria melambangkan intipati hati seorang hamba. Dalam peranan kehidupannya sebagai seorang ibu, dia berada dalam kedudukan yang strategik untuk memberi pengaruh besar terhadap kehidupan dan semangat Anaknya. Hubungan di antara ibu dan Anak — antara jiwa yang telah diuji dan ditemui bersedia dan Jiwa yang perlu dipelihara, antara seorang guru rohani dan seorang Pelajar — adalah sebahagian daripada rancangan Allah untuk mempersiapkan Yesus bagi kepimpinan.



Berhenti Sejenak dan Renungkan

Luangkan seketika untuk berfikir tentang orang-orang yang paling banyak mempengaruhi pemikiran, tingkah laku dan arah hidup anda. Semasa anda mengingat nama dan wajah mereka, anda akan menyedari bahawa gelaran kepimpinan dan kedudukan kuasa organisasi hanyalah sebahagian daripada landskap kepimpinan — dan biasanya bukan bahagian yang paling signifikan.



Kepimpinan adalah mengenai perubahan:
memulakan perubahan, bertindak balas terhadap
perubahan, membimbing proses perubahan,
memperkuh perubahan, dan menjadi suri teladan
perubahan untuk orang lain.



Bab 2

Suri Teladan Kepimpinan yang Terhebat Sepanjang Zaman



“Demikianlah Anak Manusia juga datang bukan untuk dilayan tetapi untuk melayani, dan untuk menyerahkan nyawa-Nya sebagai tebusan bagi ramai orang.”
(Markus 10:45)

Hakikatnya, kita semua adalah pemimpin. Jadi, semasa anda memimpin, siapakah suri teladan anda? Kami merasakan bahawa suri teladan kepimpinan yang paling hebat di sepanjang zaman adalah Yesus.

Apabila kami memberitahu orang tentang hal ini, ramai yang menunjukkan reaksi terkejut. Mereka ingin bertanya apakah bukti yang kami ada — dan kami gembira apabila mereka bertanya.

Beberapa tahun yang lalu, dalam sebuah telesidang *Lead Like Jesus* dari Atlanta, Georgia, Ken bertanya kepada rakan hosnya, seorang pastor dan penulis terkenal, John Ortberg, “Mengapa anda menggembara jauh dari gereja anda di Menlo Park, California, untuk mengajar orang ramai bahawa Yesus adalah suri teladan kepimpinan yang terhebat sepanjang zaman?”

Ortberg, seorang pencerita yang berbakat, tersenyum kepada para hadirin dan berkata, “Mari kita bayangkan sejenak, dua ribu tahun yang lalu, anda adalah seorang penjudi. Saya tahu ada di antara anda yang tidak suka berjudi, tetapi bersabarlah dengan saya seketika. Izinkan saya bertanya, siapa yang akan anda mempertaruh-



kan semua wang anda untuk bertahan lebih lama: Empayar Roma dan tentera Rom, atau seorang rabbi Yahudi kecil dengan dua belas orang pengikut yang tidak berpengalaman?” Semua orang tersenyum apabila John meneruskan, “Bukankah menarik bahawa setelah bertahun-tahun kemudian, kita masih menamakan anak-anak kita Matthew, James, Sarah, dan Mary, dan kita memanggil anjing kita Nero dan Caesar? Saya rasa itu cukup jelas.”

Walaupun John membuat semua orang gelak ketawa besar, mesejnya sangat jelas. Kepimpinan Yesus ternyata berkesan: Gereja-Nya masih wujud hingga hari ini; tetapi Empayar Roma sudah tiada. Dalam kata lain, perkara penting tentang kepimpinan bukanlah apa yang berlaku semasa pemimpin itu ada, tetapi apa yang berlaku apabila pemimpin itu *tidak ada*. Sebagai ibu bapa, tidak terlalu sukar untuk membuat anak-anak anda melakukan apa yang anda mahu ketika anda sentiasa bersama mereka. Tetapi apakah yang mereka lakukan apabila anda tiada di sana? Seorang pemimpin perniagaan berhadapan dengan isu yang sama. Anda tidak boleh mengawal setiap tindakan pekerja anda, apatah lagi setiap pemikiran atau idea mereka. Jadi, pemimpin perniagaan yang hebat pada hari ini memperkasa pekerja mereka untuk menggunakan kebijaksanaan mereka di tempat kerja dan membuat keputusan yang baik secara sendiri. Apabila diberi peluang ini, para pekerja akan cenderung untuk terlibat sepenuhnya dalam pekerjaan mereka.

Bukti awal bahawa Yesus adalah suri teladan kepimpinan yang terhebat sepanjang zaman datang kepada Ken apabila beliau diminta untuk muncul di program *Hour of Power* oleh Robert Schuller selepas *The One Minute Manager* diterbitkan pada awal tahun 1980-an. Ken mengimbas kembali ketika Reverend Schuller menemu bualnya, dia bertanya, “Adakah anda mengetahui siapakah Pengurus Satu Minit terhebat sepanjang zaman?” Ken memandang kosong kepadanya. Kemudian Schuller berkata, “Yesus dari Nazaret.”

“Betulkah?” tanya Ken, kerana dia tidak pernah terfikir bahawa Yesus adalah seorang suri teladan kepimpinan yang hebat.

“Sudah tentu,” kata Reverend Schuller. “Lagipun, Dia sangat jelas tentang matlamat. Bukankah itu rahsia pertama anda – *Penetapan Matlamat Satu Minit (One Minute Goal Setting)*?”

“Ya,” jawab Ken.

Schuller kemudian tersenyum dan berkata, “Anda dan Tom Peters bukanlah pencipta konsep *pengurusan sambil mengembara* (*management by wandering around*). Yesus yang menciptanya. Dia mengembara dari satu kampung ke kampung yang lain. Jika Dia melihat seseorang melakukan sesuatu yang betul, Dia akan memuji atau menyembuhkan orang itu. Bukankah itu adalah rahsia kedua anda — *Pujian Satu Minit* (*One Minute Praising*)?”

“Ya,” kata Ken.

“Akhir sekali,” kata Schuller, “jika ada orang yang menyimpang, Yesus tidak takut untuk mengarahkan semula usaha mereka. Lagipun, Dia pernah mengusir para penukar wang keluar dari Bait Suci. Bukankah itu intipati *Teguran Satu Mini* (*One Minute Reprimand*) anda?”

Ken tertawa, menyadari bahawa Schuller memang benar.

Realiti ini semakin diperkukuhkan apabila Ken mengetahui bahawa Bill Hybels, pastor pengasas Willow Creek Community Church, mengajar para pemimpin dalam pasukannya tentang Kepimpinan Situasi (*Situational Leadership*®),¹ satu konsep yang pertama kali dibangun oleh Ken pada penghujung 1960-an bersama Paul Hersey. Apabila Ken bertanya kepada Bill mengapa dia memilih *Situational Leadership*, Bill dengan pantas menjawab bahawa Yesus adalah pemimpin situasi yang terhebat sepanjang zaman, menggunakan “pendekatan yang berbeza untuk orang yang berbeza” bergantung pada situasi. Sebagai contoh, ketika Yesus pertama kali memanggil para murid-Nya sebagai “penjaja manusia” (Matius 4:19, TB) dan mengutus mereka, Dia memberikan beberapa arahan spesifik tentang tempat untuk tinggal, apa pakaian untuk dipakai, dan apa yang perlu dilakukan. Tetapi para murid-Nya berkembang dan matang dari masa ke masa: tidak lama kemudian mereka bukan lagi pemula yang penuh semangat tetapi memerlukan arahan yang spesifik, dan Yesus mengubah gaya-Nya sesuai dengan perkembangan mereka. Pada

¹ Ken Blanchard pertama kali membangunkan *Situational Leadership*® bersama Paul Hersey pada akhir tahun 1960-an. Pada awal tahun 1980-an, Blanchard bersama rakan pengasas *Ken Blanchard Companies* — Margie Blanchard, Don Carew, Eunice Parisi-Carew, Fred Finch, Calla Crafts, Laurie Hawkins, Pat Zigarmi, dan Drea Zigarmi — telah mencipta generasi baru teori ini yang dinamakan *Situational Leadership*® II. Penjelasan terbaik mengenai konsep ini boleh didapati dalam buku Kenneth Blanchard, Patricia Zigarmi, dan Drea Zigarmi, *Leadership and the One Minute Manager* (New York: William Morrow, 1985).



akhir pelayanan-Nya di bumi, Yesus mampu memberikan arahan umum ini kepada para murid-Nya: “Pergilah, jadikan semua bangsa murid-Ku” (Matius 28:19).


Ketika Ken dan Phil mula mengkaji Injil — Matius, Markus, Lukas, dan Yohanes — serta kitab Kisah Para Rasul, mereka menjadi terpesona dengan bagaimana Yesus mengubah dua belas orang yang biasa dan tidak mungkin menjadi generasi pertama pemimpin sebuah gerakan yang terus memberi kesan kepada perjalanan sejarah dunia lebih dua ribu tahun kemudian. Malah, Ken dan Phil segera menyedari bahawa setiap idea dan kebenaran tentang kepemimpinan yang mereka pernah ajarkan atau tulis datang daripada Alkitab dan terbukti dalam cara Yesus memimpin para murid-Nya.

Para pengikut Yesus mempunyai lebih daripada sekadar seorang pemimpin rohani; kita mempunyai satu model kepemimpinan praktikal yang efektif untuk semua organisasi, untuk semua orang, untuk semua situasi.



Berhenti Sejenak dan Renungkan

Pernahkah anda terfikir tentang Yesus sebagai seorang suri teladan kepemimpinan yang hebat? Jika tidak, mengapa?



Bab 3

Yesus Sebagai Hamba

“Inilah hamba-Ku yang telah Kupilih, Yang Kukasihi dan Kuredai.
Aku akan menaruh Roh-Ku ke atas-Nya, dan keadilan-Ku akan
diisytiharkan-Nya kepada semua bangsa.”
(Matius 12:18)

Setelah menerima bahawa Yesus adalah suri teladan kepimpinan yang terhebat sepanjang zaman, mari kita pertimbangkan beberapa aspek khusus tentang pendekatan kepimpinan-Nya. Penerangan terbaik mengenai kepimpinan Yesus terdapat dalam Matius 20. Ibu kepada Yohanes dan Yakobus telah datang kepada Yesus dan pada dasarnya meminta agar di syurga, salah seorang anaknya dapat duduk di sebelah kiri-Nya, dan seorang lagi di sebelah kanan-Nya. Jelas sekali, dia beranggapan bahawa kepimpinan adalah sesuatu yang berkaitan dengan hierarki. Setelah Yesus memberitahunya bahawa permintaan itu bukanlah untuk Dia kabulkan, Dia mendekati sepuluh orang murid yang lain, yang berasa marah kerana ibu ini telah meminta tempat kehormatan itu sebelum mereka sempat memintanya!

Oleh itu, Yesus memanggil mereka [murid-murid-Nya] kepada-Nya lalu berkata, “Kamu tahu bahawa pemerintah bangsa asing memerintah rakyat dengan kuku besi, dan orang besar melaksanakan kekuasaan ke atas mereka. *Ini tidak harus berlaku dalam kalanganmu.* Sesiapa yang ingin menjadi orang besar dalam kalanganmu mestilah melayan kamu. Sesiapa yang ingin menjadi orang yang pertama dalam kalanganmu, haruslah menjadi hambamu. Demikianlah Anak Manusia juga datang bukan untuk dilayan, tetapi untuk



melayan, dan untuk menyerahkan nyawa-Nya sebagai tebusan bagi ramai orang.” (Matius 20:25-28)

Kami menekankan ayat *“Ini tidak harus berlaku dalam kalanganmu”* dalam petikan itu. Kenapa? Kerana panggilan Yesus kepada kepimpinan hamba sangat jelas dan tidak berbelah-bahagi. Kata-kata-Nya tidak memberi ruang untuk pelan alternatif. Yesus tidak meletakkan sekatan atau had pada masa, tempat, atau situasi yang membolehkan kita mengecualikan diri daripada mentaati perintah-Nya. Bagi pengikut Yesus, kepimpinan hamba bukanlah satu pilihan; kepimpinan hamba adalah satu mandat. Kepimpinan hamba kita harus menjadi satu pernyataan hidup tentang siapa kita dalam Yesus, satu identiti yang nyata melalui cara kita melayani satu sama lain, dan bagaimana kita menunjukkan kasih Yesus kepada seluruh dunia. Jika kepimpinan seperti ini terdengar seperti satu urusan yang serius dengan implikasi mendalam, memang begitulah hakikatnya.

Bahagian yang mengujakan tentang memimpin seperti Yesus ialah Dia tidak pernah menghantar kita dalam mana-mana situasi seorang diri atau dengan satu rancangan yang cacat atau pasti gagal. Yeremia 29:11-14 memberitahu kita:

“Aku tahu rancangan-rancangan yang Kubuat bagi kamu,” demikianlah firman Tuhan, “iaitu rancangan kesejahteraan, bukan malapetaka, untuk mengurniakan kepada kamu masa depan dan harapan. Kamu akan berseru kepada-Ku, datang dan berdoa kepada-Ku, dan Aku akan mendengar kamu. Kamu akan mencari hadirat-Ku dan menemukan Aku apabila kamu mencari Aku dengan segenap hatimu. Aku akan kamu temui,” demikianlah firman Tuhan.”

Apa sahaja subjek yang Dia sampaikan — dan dalam Matius 20, ia adalah tentang kepimpinan — Yesus berbicara mengenai apa yang benar dan berkesan. Kita boleh mempercayai bahawa Firman-Nya adalah satu ungkapan kasih-Nya yang tanpa syarat dan penuh pengorbanan, yang dicurahkan untuk kesejahteraan kekal kita. Sebagai pengikut Yesus, kita dapat mempercayai Dia dan arahan-Nya kepada kita tanpa mengira keadaan yang kita hadapi. Kita juga boleh dengan bebas meminta Dia untuk memberikan kita kebijaksanaan dalam semua perkara, termasuk peranan kita sebagai

pemimpin. Yakobus 1:2-8 mengingatkan kita bahawa Yesus ingin terlibat secara intim dalam semua aspek hidup kita:

Saudara-saudaraku, *anggaplah sebagai suatu kebahagiaan apabila kamu menghadapi pelbagai cubaan, kerana kamu tahu bahawa ujian terhadap imanmu menghasilkan ketabahan. Pastikan bahawa ketabahanmu itu berterusan, sehingga kamu menjadi sempurna tanpa sebarang kekurangan pun. Sekiranya seseorang di antaramu kurang bijaksana, dia haruslah berdoa kepada Allah supaya mengurniakan kebijaksanaan kepadanya, kerana Allah memberi dengan murah hati kepada semua orang tanpa memandang kesalahan mereka.* Akan tetapi, apabila dia memohon, dia mesti beriman sepenuhnya. Dia tidak harus ragu-ragu, kerana orang yang ragu-ragu itu umpama ombak laut yang terumbang-ambing ditiup angin. Orang seperti itu tidak boleh berharap untuk menerima apa-apa daripada Tuhan; pendiriannya tidak tetap dan dia sentiasa teragak-agak melakukan sesuatu.

Seorang sahabat kami pernah mempunyai seorang kaunselor yang sering mengingatkannya, “Kepintaran anda telah menyebabkan anda berada dalam situasi ini.” Anda lihat, dalam pelbagai situasi, sahabat kami berfikir bahawa dia cukup bijak untuk menyelesaikan semuanya sendiri, tetapi sebenarnya tidak. Lebih daripada itu, dia cuba mendapatkan persetujuan daripada pelbagai pihak, termasuk mereka yang mempunyai pandangan bercanggah tentang apa yang sepatutnya dia lakukan dan bagaimana dia sepatutnya menjalani hidupnya. Akibatnya, dia tidak dapat menyenangkan sesiapa pun. Dia masih belum belajar bahawa dia hanya mempunyai Satu penonton, dan Dia adalah Tuhan.

Selain menjadi satu-satunya penonton yang penting, Tuhan juga merupakan pengarah hidup kita. Tuhan akan membimbing kita untuk melakukan perkara yang betul — jika kita membenarkan-Nya. Harapan kami adalah supaya anda akan membenarkan Tuhan mengarah anda, membimbing anda, dan mengajar anda untuk memimpin.



Jika hati dan motif seorang pemimpin tidak betul, semua pemikiran yang cemerlang dan kepemimpinan yang paling hebat tidak akan mampu mengatasi kelicikan, eksploitasi, dan manipulasi yang mementingkan diri sendiri.